

NO. SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan rasional cukai pelancongan dilaksanakan dan sejauh mana ianya memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang dikenakan terhadap pelancong tempatan dan asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Pelaksanaannya merupakan suatu usaha Kerajaan dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2015, industri pelancongan telah menyumbangkan sebanyak 14.4% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 10.4% pada tahun 2005. Sebanyak 2.92 juta pekerjaan (atau 1 daripada 6 pekerjaan) telah diwujudkan pada tahun 2015, berbanding 1.51 juta pekerjaan (atau 1 daripada 7) pada tahun 2005. Seiring dengan peningkatan sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara, pelaksanaan Cukai Pelancongan ini adalah tepat pada masanya demi memastikan kelestarian industri ini dalam menjana sumber pendapatan negara.

Melalui Cukai Pelancongan, industri pelancongan negara kita akan lebih berdaya maju disebabkan adanya sumber yang mampan (*sustainable*) yang berupaya melonjakkan industri ini melalui pembangunan pelbagai subsektor yang pastinya akan memberi manfaat kepada pelancong dan rakyat serta seterusnya menjana ekonomi setempat. Pulangan cukai ini juga akan menyediakan sumber kewangan tambahan kepada industri pelancongan bagi tujuan aktiviti promosi serta pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Sekian, terima kasih.